

Mangsa banjir di Kampar berkurangan

IPOH - Jumlah mangsa banjir di Kampar berkurangan kepada 56 orang daripada 18 keluarga berbanding 335 orang kelmarin, apabila mereka dibenarkan pulang ke rumah masing-masing selepas didapati kawasan kediaman mereka selamat diduduki.

Kesemua 18 keluarga tersebut masih ditempatkan di pusat pemindahan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kampar, dekat sini.

Ketua Polis Daerah Kampar, Superintendan Abdul Aziz Salleh berkata, mereka ditempatkan di pu-

sat pemindahan itu sementara menunggu kerja membaik pulih dan membersihkan kediaman mereka selesai sepenuhnya.

Katanya, laporan Jabatan Perparitan dan Saliran (JPS) Negeri turut menunjukkan paras air Sungai Kampar sudah kembali normal dan tidak membahayakan penduduk yang tinggal di sekitarnya.

"Penduduk sudah kembali ke rumah masing-masing berikutan paras air Sungai Kampar mula surut dan keadaan banjir di beberapa buah kam-

pung pulih seperti biasa," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Khamis lalu beberapa buah kampung antaranya Kampung Melayu, Kampung Baru, Kampung Pasir, Kampung Nyior, Jeram, Kampung Mesah, Kampung Kuala Dipang dan Kampung Batu 20 dinaiki air sedalam 0.5 meter akibat hujan lebat yang tidak berhenti sejak jam 3.30 pagi.

Banjir yang berpunca daripada dua ban pecah sehingga menyebabkan air dari Sungai Kampar melimpah ke kawasan perkampungan berdekatan

adalah yang terburuk di daerah tersebut sejak 30 tahun lalu.

Berikutan itu, lebih 1,000 penduduk dari 254 keluarga yang tinggal di beberapa kampung terpaksa dipindahkan ke pusat pemindahan banjir berdekatan.

Lebih menyedihkan apabila ada dalam kalangan penduduk yang tidak dapat menyelamatkan harta benda apabila rumah mereka dinaiki air melebihi satu meter sehingga men-cecah paras bumbung rumah akibat banjir terburuk itu.

Banjir yang berlaku sejak jam 3.30 pagi itu disifatkan terburuk sejak 30 tahun di daerah berkenaan. Kejadian berpunca daripada dua ban pecah menyebabkan air dari Sungai Kampar melimpah.

Abdul Aziz berkata, kebanyakan kawasan yang dinaiki air sedalam antara 0.5 meter hingga satu meter dalam kejadian banjir sebelum ini seperti Kampung Kuala Dipang, Kampung Melayu, Kampung Batu 20, Kampung Pisang, Kampung Pasir dan Kampung Nyior juga mulai surut sepenuhnya.